

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash

ISU BANKRAP


Adakah berpunca dari pengurusan kewangan tidak terurus?

Photo by Towfiqu barbhuiya on Unsplash

Nur Azwani Mohamad Azmin, Nik Noor Afizah Azlan, Suhaily Maizan Abdul Manaf, Salwani Affandi, Sholehah Abdullah, Fathiyah Ismail, Siti Fatimah Mardiah Hamzah & Zaimi Mohamed
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu.

Kebankrapan atau muflis adalah satu proses di mana seorang individu yang berhutang diisytiharkan sebagai bankrap melalui perintah mahkamah atas petisyen pemiutang atau petisyen penghutang sendiri. Segala harta kepunyaan si bankrap yang tidak bercagar tertakluk sepenuhnya kepada Ketua Pengarah Insolvensi sama ada untuk menjual harta tersebut dan hasil jualan harta akan diagihkan kepada pemiutang yang menfaikan borang bukti hutang (Jabatan Insolvensi, 2022).

Carta berikut menunjukkan kes kebangkrutan mengikut sebab di Malaysia dari 2014 hingga 2018. Pinjaman perumahan, sewa beli kenderaan dan pinjaman peribadi antara sebab utama kes kebangkrutan di Malaysia. Manakala, golongan yang berumur 35 hingga 44 tahun adalah golongan yang paling tinggi terlibat dalam kes bankrap iaitu 34 peratus, diikuti oleh golongan di kalangan 45 hingga 54 tahun sebanyak 26 peratus dan golongan berumur 25 hingga 34 tahun iaitu sebanyak 25 peratus.



Sumber: Penulis dan data.gov.my



Sumber: Penulis dan data.gov.my

Akibat dari pandemik Covid 19, jumlah individu yang diisytiharkan muflis terus melonjak kepada 10,317 orang sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac 2020 hingga Julai 2021 (Berita Harian, 2021).

Apakah yang akan terjadi sekiranya seseorang individu tersebut diisytiharkan muflis? Antara kesan-kesan bankrap adalah, individu yang muflis tersebut akan berada di bawah pengawasan Ketua Pengarah Insolvensi (KPI), dikenakan had perjalanan yang menyebabkan mereka tidak dibenarkan untuk keluar negara tanpa kebenaran bertulis daripada KPI atau

perintah mahkamah, semua aset dirampas, dan dikenakan kredit terhadap yang mana individu berkenaan tidak dibenarkan untuk membelanjakan lebih dari RM1,000 menggunakan kad kredit. Selain itu, individu berkenaan tidak dibenarkan bekerja dalam profesion tertentu seperti peguam, juru ukur, akauntan dan doktor serta tidak layak untuk dilantik sebagai pengarah syarikat.

Pengurusan kewangan yang tidak sistematik adalah salah satu punca berlakunya bankrap. Setiap individu seharusnya mempunyai pengetahuan asas dalam pengurusan kewangan. Ini membolehkan seseorang itu mampu merancang perbelanjaan bagi mengelakkan penggunaan yang berlebihan, hutang yang tidak terurus seterusnya menyebabkan muflis.

Pinjaman kenderaan merupakan antara sebab utama berlakunya bankrap. Setiap individu seharusnya mengukur baju di badan sendiri apabila memilih kenderaan yang ingin dibeli. Formula yang paling ringkas untuk membeli kenderaan yang berpatutan adalah harga kenderaan tersebut tidak melebihi jumlah pendapatan tahunan. Sebagai contoh, sekiranya seseorang individu tersebut menerima gaji bulanan RM3,000 sebulan, harga kereta yang patut dimiliki adalah RM36,000. Tetapi sekiranya harga kereta yang dibeli melebihi jumlah gaji tahunan, risiko

untuk individu terbabit menghadapi masalah pengurusan hutang adalah tinggi.

Penggunaan kad kredit yang tidak terkawal juga merupakan faktor yang menyebabkan kes bankrap meningkat dalam kalangan golongan muda. Mereka mudah terjebak untuk menggunakan kad kredit apabila melihat barangan berjenama mewah, gajet yang terkini dan pelbagai barangan yang 'trending'. Setiap perbelanjaan kad kredit dicaj dengan kadar minimum 5 peratus, manakala kadar faedah kad kredit adalah 18 peratus setahun. Individu yang boros berbelanja lebih mudah terjebak dengan bankrap.

Bagaimanakah cara-cara untuk menguruskan kewangan dengan cara yang lebih berhemah?

Antara cara-cara yang boleh dilakukan adalah membuat simpanan. Setiap individu harus mengasingkan sebahagian dari pendapatan bulanan, sekurang-kurangnya 10 peratus. Selain itu, mengutamakan keperluan berbanding kehendak dalam setiap perbelanjaan juga dapat membantu individu menguruskan kewangan dengan berhemah. Perbelanjaan keperluan seperti bil-bil dan komitmen bulanan termasuk kereta dan rumah perlu dijelaskan terlebih dahulu sebelum berbelanja untuk memenuhi kehendak. Perbelanjaan yang dilakukan juga haruslah mengikut kemampuan diri dan elak berbelanja secara hutang dan kredit. Di samping itu, kaedah menguruskan kewangan dengan mewujudkan akaun simpanan yang proses pengeluarannya lebih sukar seperti simpanan Tabung Haji atau pelaburan dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB) juga dapat mengelakkan individu terjebak dengan masalah bankrap. Akhir sekali, 'Langit tidak selalunya cerah'. Begitulah juga perancangan kehidupan bagi tujuan kecemasan dan kesihatan. Setiap individu perlu mempunyai pelan insuran yang mampu melindungi keluarga secara komprehensif kerana sukar bagi kita menjangkakan apa yang bakal berlaku pada

masa akan datang.

Kesimpulannya, pengurusan kewangan berhemah mampu mengurangkan risiko seseorang individu menjadi bankrap. Ini kerana pinjaman dan hutang kad kredit merupakan antara faktor utama kebangkrutan berlaku. Dengan menguruskan perbelanjaan secara berhemah, jumlah individu bankrap mungkin dapat dikurangkan. Perbelanjaan yang dilakukan haruslah mengikut kemampuan dan bukannya berlebih-lebihan mengikut 'trending' semasa.

Aplikasi Moneywise



Rujukan

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/869778/10317-individu-muflis-sejak-covid-19>
<https://www.goala.app/my/blog/kewangan/pinjaman/bankrap/>
<https://www.comparehero.my/debt-management/articles/apa-anda-perlu-tahu-tentang-muflis-di-malaysia>
<https://www.padawanemas.my/2-tips-formula-beli-kereta/>
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/800780/pengetahuan-perancangan-kewangan-elak-bankrap-penipuan>

“Children should learn that reading is pleasure, not just something that teachers make you do in school.”


—Beverly Cleary



Educators:

@teachergoals

No matter how much a student got in trouble last year, give them a fresh start this year.



Source: Twitter



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com